

# **SERAMAI 950 PELAJAR BARU DAFTAR DI KUTKM**

**BERNAMA News | Berita Dalam Negeri | 20/05/2002 | Author: / SBS RON**

MELAKA, 20 Mei (Bernama) -- Seramai 950 pelajar baru akan mendaftar di Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) Rabu ini di kampus sementaranya di Taman Tasik Utama, Air Keroh.

Penolong Pendaftar KUTKM Marsita Mohamed Taib hari ini berkata seramai 303 pelajar akan mendaftar untuk kursus diploma manakala 647 lagi untuk program ijazah bagi sesi pengajian 2002/2003.

Antara program ijazah yang ditawarkan bagi sesi ini ialah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri), Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer), Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri), Sarjana Muda Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Media Interaktif) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Struktur Bahan).

Marsita berkata sempena pendaftaran pelajar baru itu, Majlis Haluan Siswa akan diadakan selama tiga hari yang bertemakan "Mahasiswa Cemerlang Negara Gemilang".

Majlis Haluan Siswa itu akan dirasmikan Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM Tan Sri Mohamed Saleh Sulong pada Rabu, dan penutupnya oleh Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Abdul Rafie Mahat, katanya dalam satu kenyataan di sini.

-- BERNAMA  
SBS RON